

# 3R: Tindakan tegas tanpa peduli kedudukan, parti

UTUSAN MALAYSIA 06 APR 2024

W/S 3

Oleh SAFINA RAMLI

utusannews@mediamulla.com.my

**GEORGE TOWN:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang mencabar institusi serta perlembagaan negara.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kerajaan tidak boleh bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang bertindak sedemikian.

“Jadi, saya telah tegas dan tekankan, kita tidak akan tolak ansur. Tidak peduli siapa, kedudukan dia, parti mana.

“Jangan diugut sekiranya diambil tindakan, apalagi kalau menyentuh soal 3R (agama, kaum dan raja),” katanya selepas menghadiri taklimat Pembangunan Pulau Pinang di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas penahanan Ketua Pemuda UMNO, Dr. Muhamad Akmal Saleh di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah.

Anwar berkata, tonggak institusi negara ini perlu dipertahankan termasuk prinsip perlembagaan, hak Islam serta hak bukan Islam.

“Jika menyentuh kedudukan raja-raja terutama (itu yang dibangkitkan oleh Majlis Raja-Raja), jangan kita bertolak ansur.

“Institusi negara tonggaknya mesti dipertahankan termasuk prinsip perlembagaan, hak Islam, hak bukan Islam, semua itu tertera dalam perlembagaan.

“Sekiranya mencabar, kita



**ANWAR** Ibrahim menunjukkan isyarat bagus kepada orang ramai ketika tiba di Komtar, George Town, Pulau Pinang, semalam.

akan ambil tindakan tegas dan kalau disiasat, ditangkap, didakwa dan dihukum, itu jangan pertikai,” ujarnya.

Sementara itu, beliau percaya Muhammad Akmal dipanggil untuk siasatan dan bukannya ditahan polis.

“Saya rasa itu bukan tangkapan, dia (Muhammad Akmal) dipanggil untuk disiasat,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Anwar memberitahu, Pulau Pinang akan mencatat sifar kemiskinan tegar menjelang 1 Jun tahun ini.

Menurutnya, perkara itu merupakan satu pencapaian

yang amat membanggakan memandangkan kerajaan Pusat memberi keutamaan untuk membasmi miskin tegar.

“Keutamaan diberikan untuk kategori keluarga di bawah kemiskinan tegar dengan kerjasama kerajaan negeri dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) ia (isu kemiskinan tegar) telah diselesaikan dalam tempoh sebulan.

“Maknanya 1 Jun tahun ini, Pulau Pinang akan catat kosong kemiskinan tegar, itu satu yang amat membanggakan,” katanya.

Terdahulu, Anwar menghadiri taklimat pembangunan Pulau Pinang bersama agensi-agensi kerajaan negeri.

Anwar menjelaskan, dalam taklimat tersebut, beliau turut meluluskan peruntukan segera berjumlah RM11 juta untuk membaiki Klinik Desa Bayan Lepas.

Selain itu, katanya, beliau dan kerajaan negeri membincangkan pelbagai perkara mengenai soal-soal pembangunan Pulau Pinang menerusi taklimat pembangunan tersebut.

“Ketua Menteri dan kerajaan negeri mengemukakan beberapa isu yang perlu diberi keutamaan dan yang penting kerajaan negeri tahu bahawa Kerajaan Persekutuan juga ambil tahu mengenai beberapa projek.

“Keputusan juga telah dibuat antaranya projek Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) patut disegerakan kerana ia sudah terlalu sesak dan tertangguh sekian lama.

“Begitu juga projek transit aliran ringan (LRT) disegerakan dengan bantuan (kerajaan Pusat) mengikut perancangan kita,” katanya.

Selain itu, Anwar berkata, penekanan juga diberikan agar kerajaan negeri memacu pertumbuhan ekonomi melibatkan sektor-sektor berkeupayaan tinggi yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.

“Tugas kita adalah untuk bekerjasama antara agensi negeri dan kerajaan Pusat. Kita juga tekankan tentang perniagaan di peringkat rendah supaya rakyat di bawah juga berpeluang untuk menikmati bersama kemajuan yang sangat membanggakan di Pulau Pinang,” katanya.